

27 MAR 1997

Bakar-Tebang

PEMAJU JANGANLAH UTAMAKAN UNTUNG SAHAJA

SHAH ALAM, 27 Mac (Bernama) -- Para pemaju pembangunan kawasan baru termasuk kawasan berbukit dan hutan hijau tidak boleh memikirkan keuntungan semata-mata kerana mereka juga perlu memikul tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud berkata mereka perlu bertanggungjawab memastikan hutan hijau dapat terus diwarisi dan dinikmati generasi akan datang.

"Kalau mereka fikir untung dan tebang sahaja...jahanamlah (hutan kita)...ini masalah sikap dan mereka perlu disiplinkan diri," katanya kepada pemberita selepas mewakili menterianya merasmikan seminar pengurusan bahan kimia dan sisa berbahaya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas isu penebangan pokok dan pembukaan tanah secara besar-besaran di negeri ini yang telah diarahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya disiasat.

Abu Bakar berkata beliau tidak dapat mengulas lanjut kerana perkara itu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Beliau berkata kementerianya telah menjalankan kempen menanam pokok di seluruh negara bagi menyemai rasa kecintaan orang ramai terhadap kehijauan alam sekitar.

"Mesejnya telah sampai ke seluruh negara dan kita kini sudah mulai benci melihat bukit yang botak walaupun dulu kita tak kisah," katanya.

Abu Bakar percaya dengan kesedaran yang semakin tinggi tentang perlunya alam sekitar yang hijau untuk kehidupan yang lebih nyaman, kecintaan terhadap alam sekitar akan menjadi sebahagian budaya rakyat. -- BERNAMA

MNY NMO